

Nama: _____ Kelas : _____

SULIT
Bahasa Melayu
Kertas 1
Set 3/2004
1 Jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2004

BAHASA MELAYU
Ujian Pemahaman
Satu jam

Arahan Am:

1. Kertas soalan ini mengandungi 50 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.
4. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca cerita di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Mengapa bising sangat? Kamu sepatutnya menggunakan masa terluang dengan melakukan kerja-kerja yang berfaedah. Bukannya membuang masa!” kata Cikgu Salwa dengan suara yang agak tinggi.

Kedatangan Cikgu Salwa secara tiba-tiba itu menjadikan kelas yang tadinya hingar-bingar menjadi sunyi-sepi. Tiada sesiapa pun yang berani mengangkat muka. Masing-masing menundukkan kepala.

“Hamimah, kamu ikut saya ke pejabat sekarang juga,” kata Cikgu Salwa sambil menuding ke arah Hamimah yang duduk di belakang kelas. Hamimah tergamam apabila namanya disebut oleh Cikgu Salwa. Tanpa banyak soal dia mengekori Cikgu Salwa ke pejabat Guru Besar.

Sofea tertanya-tanya, mengapa Hamimah dipanggil oleh Guru Besar? Adakah dia telah melakukan sesuatu kesalahan atau melanggar peraturan sekolah? Suasana di kelas kembali hingar-bingar. Kali ini mereka berbincang tentang Hamimah yang dipanggil ke pejabat Guru Besar.

Tidak lama kemudian, Hamimah kembali ke kelas. Mukanya kelihatan pucat dan matanya merah berair. Sofea menghampirinya.

“Apa yang telah berlaku?” tanya Sofea separuh berbisik. Hamimah memandang Sofea.

“Ibu saya menghidap penyakit barah tulang, seperti nenek,” bisiknya. Air matanya mengalir lagi. Hamimah mula mengemaskan buku-bukunya. Dia ingin segera melawat ibunya di hospital.

Dalam perjalanan pulang ke rumah petang itu, Sofea berfikir tentang nasib Hamimah yang malang itu. Sofea bertekad mahu membantu Hamimah.

Dengan bantuan abang Sofea yang bekerja di Kuala Lumpur, kisah ibu Hamimah dapat **dimuatkan** di dalam surat khabar harian. Orang ramai dirayu untuk menghulurkan derma bagi menampung kos pembedahan ibu Hamimah. Nasib Hamimah sungguh baik. Banyak orang yang bersimpati dan menghulurkan bantuan. Pihak Kementerian Kesihatan turut membantu. Setelah wang mencukupi, pembedahan ibu Hamimah dapat dijalankan dengan segera. Akhirnya, nyawa ibu Hamimah dapat diselamatkan.

1. Apakah tujuan Cikgu Salwa datang ke kelas Hamimah?
 - A. memarahi murid-murid yang berbuat bising
 - B. memohon derma untuk membantu ibu Hamimah
 - C. memanggil Hamimah ke pejabat Guru Besar
 - D. memberitahu murid-murid tentang penyakit ibu Hamimah

2. Apakah sikap yang ditunjukkan oleh Sofea?
 - A. suka menyibuk
 - B. banyak soal
 - C. prihatin
 - D. banyak mulut

3. Sofea membantu Hamimah dengan cara...
- A. memungut derma daripada kawan-kawannya.
 - B. memberitahu masalah Hamimah kepada Guru Besar.
 - C. menghebahkan penderitaan ibu Hamimah di surat khabar.
 - D. menghulurkan bantuan kewangan kepada Hamimah.
4. Perkataan **dimuatkan** dalam petikan bermaksud...
- A. disarankan.
 - B. disiarkan.
 - C. diiklankan.
 - D. disertakan.
5. Pernyataan yang berikut benar mengenai petikan, **kecuali**...
- A. Sofea merupakan rakan sekelas Hamimah.
 - B. Ibu Hamimah berjaya diselamatkan menerusi pembedahan.
 - C. Hamimah meminta bantuan pihak media untuk menyelamatkan ibunya.
 - D. Orang ramai yang prihatin telah menghulurkan derma kepada ibu Hamimah.

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca rencana di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Burung unta (*ostrich*) merupakan burung yang terbesar di dunia. Burung unta berasal dari Selatan Sahara, di benua Afrika. Burung ini tinggal di padang rumput kering atau belukar. Seekor burung unta jantan dapat **menjangkau** berat badan sehingga 136 kilogram dengan ketinggian antara dua hingga 2.5 meter. Burung unta betina pula mempunyai badan yang lebih kecil. Jangka hayat seekor burung unta pula ialah dalam lingkungan 60 tahun.

Burung unta mempunyai sepasang kaki yang tegap dan membolehkannya berlari dengan kencang. Kaki burung unta cukup kuat untuk menyelamatkannya daripada serangan musuh. Tendangannya boleh menumbangkan musuh seperti anjing liar dan singa. Kukunya yang panjang dan tajam, akan melukakan musuh. Begitu juga dengan sayap pada tubuhnya. Sayap ini tidak digunakan untuk terbang, sebaliknya membantunya ketika berhadapan dengan musuh. Sekiranya burung unta tidak terdaya untuk melawan, burung ini akan bertindak melarikan diri untuk menyelamatkan nyawa. Larian burung unta lebih kencang daripada larian kuda belang.

Mata burung ini mempunyai lapisan nipis lut sinar yang digunakan ketika ribut pasir. Matanya itu memudahkan burung unta ini mengelak daripada serangan musuh dan memudahkannya mendapatkan makanan.

Burung unta hidup berpindah-randah untuk mencari makanan. Burung ini makan secara berkumpulan. Sesebuah kumpulan itu terdiri daripada enam hingga sepuluh ekor dan ada kalanya sehingga 50 ekor. Haiwan ini tidak memilih makanan dan akan memakan semua jenis tumbuhan dan haiwan kecil. Kadangkala objek yang bersinar seperti penutup botol turut mereka telan.

Burung unta mempunyai tabiat suka mematuk apa-apa sahaja yang kelihatan ganjil kepadanya terutama benda-benda yang berkilat dan berwarna terang seperti cincin, gelang, subang dan lain-lain. Mengikut rekod yang pernah dibuat, purata jumlah seseekor burung unta mematuk ialah sebanyak 2 000 sehingga 5 000 kali dalam sehari. Pada minggu pertama selepas menetas, anak burung unta akan mematuk apa-apa sahaja yang ditemukannya seperti paku, plastik, batu, kunci, dan sebagainya.

Telur burung unta merupakan telur burung yang terbesar di dunia. Seekor burung unta betina biasanya akan mengeluarkan telur antara lapan hingga sepuluh biji semusim. Anak-anak burung unta yang baru menetas sangat lemah. Untuk mengelak daripada diganggu oleh haiwan lain, anak-anak burung unta ini akan berbaring di atas tanah dan berpura-pura mati.

6. Burung unta mempunyai suatu tabiat iaitu...
 - A. mematuk apa-apa sahaja yang mengancamnya.
 - B. mematuk apa-apa sahaja yang dilihatnya.
 - C. mematuk apa-apa sahaja yang dianggapnya pelik.
 - D. mematuk apa-apa sahaja yang menjadi makanannya.

7. Bagaimanakah caranya anak-anak burung unta mengelakkan dirinya daripada musuh?
 - A. bersembunyi dalam semak
 - B. menendang musuh dengan kuat
 - C. berlari dengan pantas
 - D. berpura-pura mati

8. Perkataan **menjangkau** dalam petikan bermaksud...
 - A. menjangka.
 - B. mencapai.
 - C. menggapai.
 - D. melebihi.

9. Antara bahagian badan burung unta yang berikut, yang manakah tidak digunakan untuk melindungi dirinya daripada ancaman musuh?
- A. kaki
 - B. sayap
 - C. kuku
 - D. paruh
10. Pernyataan yang berikut benar tentang petikan, **kecuali**...
- A. Burung unta tinggal setempat kerana mudah untuk mencari makanan.
 - B. Burung unta makan tumbuhan dan haiwan kecil.
 - C. Burung unta jantan lebih besar berbanding dengan burung unta betina.
 - D. Lapisan nipis lut sinar pada mata burung unta sangat berguna ketika ribut pasir.

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca catatan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

10 Januari 2004

- 9.30 pagi** : Bertolak dari Kuala Lumpur menuju ke kawasan air terjun Bukit Putus, Kuala Pilah, Negeri Sembilan bersama-sama dengan empat orang rakan dari pasukan pengakap Sekolah Menengah Budiman Syah, Kuala Lumpur dengan menaiki basikal.
- 11.20 pagi** : Tiba di bandar Seremban. Makan tengah hari di Restoran Selera Kampung, Seremban yang terletak berhampiran dengan Taman Bunga. Kemudian, berehat di kawasan Taman Bunga sambil menyaksikan burung-burung yang dipelihara di Zoo Mini di kawasan Taman Bunga itu.
- 1.00 petang** : Bertolak dari bandar Seremban menuju ke Bukit Putus. Perjalanan kami agak perlahan kerana kami terpaksa mendaki bukit yang agak tinggi. Perjalanan agak berbahaya kerana jalannya agak sempit dan bengkok-bengkok. Permukaan jalan agak kasar dan terlalu banyak selekoh tajam.
- 2.30 petang** : Kami tiba di kawasan air terjun Bukit Putus. Sewaktu kami tiba di sana, orang ramai telah banyak membanjiri kawasan perkelahan itu. Cuaca pada hari itu panas terik. Kami meletakkan barang-barang kami dan selepas itu kami mendirikan khemah untuk bermalam di sana. Kami meletakkan basikal di kawasan letak

kenderaan berhampiran dengan sebuah warung tidak jauh dari tempat perkelahan tersebut.

3.30 petang : Selepas mendirikan khemah, kami mandi-manda dengan sepuas-puasnya. Air sungai yang dingin amat menyegarkan. Kami mandi-manda sehingga petang.

8.00 malam : Selepas makan malam, kami berehat di tepi sungai sambil menikmati keindahan cahaya bulan pada waktu malam.

8.30 malam : Pesta unggun api diadakan. Kami bernyanyi dan bermain gitar.

10.30 malam : Masuk tidur.

11. Berapakah bilangan peserta yang menyertai ekspedisi berbasikal ini?

- A. tidak dinyatakan
- B. empat orang
- C. tiga orang
- D. lima orang

12. Peserta ekspedisi berbasikal ini merupakan...

- A. anggota pasukan Kelab Kembara sekolah.
- B. anggota pasukan pengakap sekolah.
- C. anggota pasukan Bulan Sabit sekolah.
- D. Pengawas Sekolah Menengah Budiman Syah, Kuala Lumpur.

13. Para peserta ekspedisi berbasikal berhenti makan di mana?

- A. di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- B. di Zoo Mini bandar Seremban.
- C. Di Restoran Selera Kampung, Seremban.
- D. Di Taman Bunga, Seremban.

14. Apakah aktiviti yang diadakan oleh peserta ekspedisi tersebut pada waktu malam?

- A. pesta bermain bunga api
- B. pesta unggun api
- C. menikmati keindahan cahaya bulan
- D. mendirikan khemah

15. Yang manakah antara berikut bukan faktor yang menyebabkan perjalanan para peserta ekspedisi dari Seremban ke Bukit Putus menjadi perlahan?
- A. tayar basikal salah seorang peserta ekspedisi bocor
 - B. permukaan jalan kasar
 - C. terdapat banyak selekoh tajam
 - D. jalannya agak sempit dan berbahaya

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca berita di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BANTING, Jumaat – Suatu program motivasi bertajuk “Jati Diri Remaja” telah dianjurkan oleh Kelab Rakan Muda Daerah Kuala Langat. Program yang disertai oleh 160 orang peserta itu diadakan di Kem Motivasi Morib. Separuh daripada peserta adalah ahli Kelab Remaja Daerah Kuala Langat, manakala separuh lagi adalah pelajar daripada beberapa buah sekolah di daerah tersebut.

Program tersebut diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang peranan remaja terhadap pembangunan negara. Selain itu, program ini dapat juga mengisi masa cuti para pelajar dengan kegiatan yang berfaedah serta dapat memupuk semangat kerjasama antara mereka.

Selama empat hari program ini berjalan, pelbagai aktiviti-aktiviti yang menarik diadakan. Antaranya termasuklah sesi latihan dalam kumpulan, ceramah, sukan, dan kegiatan kembara. Menerusi kegiatan seumpama ini para peserta dapat membina keyakinan diri, berfikir secara kritis dan kreatif, serta menyelesaikan masalah dengan bijak.

Program ini selaras dengan usaha kerajaan untuk melahirkan generasi pemimpin yang berwibawa dan berwawasan. Selain itu, program seumpama ini diharap dapat membantu mengurangkan gejala penyakit sosial yang semakin serius dalam kalangan remaja.

Secara keseluruhannya, program ini memberikan faedah yang besar kepada para peserta. Bertepatan dengan slogan “Remaja Hari ini Pemimpin Hari Esok” para peserta dapat didedahkan kepada asas-asas kepemimpinan dengan berkesan.

16. Berapakah jumlah ahli Kelab Rakan Muda Daerah Kuala Langat yang menyertai program tersebut?
- A 60 orang
 - B 70 orang
 - C 50 orang
 - D 80 orang

17. Yang berikut adalah tujuan program itu diadakan **kecuali**...
- A memberikan pendedahan kepada para peserta tentang ciri-ciri seorang pemimpin.
 - B mengisi masa cuti para pelajar dengan kegiatan yang berfaedah.
 - C memupuk semangat kerjasama.
 - D memahirkan diri dengan cara-cara menjawab soalan peperiksaan.
18. Apakah kesan yang mungkin dirasai oleh para peserta setelah mengikuti program tersebut?
- A yakin akan menjadi seorang pemimpin
 - B yakin terhadap kebolehan diri sendiri
 - C tidak suka mengambil tahu masalah orang lain
 - D sukar menyelesaikan masalah yang dihadapi
19. Kata **gejala** dalam petikan bermaksud...
- A sikap.
 - B tanda.
 - C punca.
 - D amalan.
20. Pilih pernyataan yang **tidak** benar.
- A Program tersebut dianjurkan oleh Kelab Rakan Muda Daerah Kuala Langat.
 - B Program tersebut dijalankan selama seminggu.
 - C Para peserta terdiri daripada pelajar beberapa buah sekolah.
 - D Program motivasi itu diadakan berhampiran dengan pantai Morib.

Soalan 21 hingga Soalan 34

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

21. _____ itu telah dipilih untuk menjadi penghias muka hadapan majalah Wanita.
- A. Sejarawan
 - B. Olahragawan
 - C. Jelitawan
 - D. Biarawan

22. Prestasi syarikat bumiputera perlu _____ agar dapat bersaing dengan syarikat asing.
- A. digerakkan
 - B. ditingkatkan
 - C. ditambahkan
 - D. dimajukan
23. “Jika _____ sudah bersedia, ayuh _____ mulakan perjalanan sekarang,” kata ketua ekspedisi kepada anak-anak buahnya.
- A. anda...kita
 - B. kamu...kami
 - C. kalian...kita
 - D. awak...kita
24. “Mengapa kamu _____? Kamu tidak fahamkah penjelasan yang saya berikan tadi?” Cikgu Saleh bertanya kepada kami.
- A. tersentak
 - B. terpegun
 - C. tercengang
 - D. terbeliak
25. Puan Sally bimbang apabila melihat badan anaknya semakin _____.
- A. kecut
 - B. lusuh
 - C. susut
 - D. luntur
26. Kak Long _____ paha Rashid kerana dia tidak tahan dengan kenakalan adiknya itu.
- A. mencuit
 - B. mencubit
 - C. mencalit
 - D. mencolek
27. Suraya mendengar lagu itu berulang kali _____ hafal semua liriknya.
- A. lalu
 - B. dan
 - C. hingga
 - D. jika

28. Abang Malek tidak mahu berumah tangga _____ belum mencapai cita-citanya.
- A. semoga
 - B. sehingga
 - C. sewaktu
 - D. selagi
29. Sambutan itu diadakan bagi _____ jasa para perajurit tanah air.
- A. kenangan
 - B. mengenang
 - C. mengenangkan
 - D. dikenang
30. Negara kita sudah beberapa kali terlibat dalam _____ temasya sukan bertaraf dunia.
- A. Anjuran
 - B. Penganjur
 - C. Penganjuran
 - D. Dianjurkan
31. Asap hitam _____ keluar dari serombong kapal laut itu.
- A. berduyun-duyun
 - B. bertubi-tubi
 - C. berkepul-kepul
 - D. berpusu-pusu
32. "Tiada salahnya kita _____ asalkan niat kita ikhlas," kata penyanyi itu kepada rakan-rakan artisnya.
- A. pandang-memandang
 - B. tolak-menolak
 - C. tegur-menegur
 - D. tuduh-menuduh
33. Murid-murid tidak seharusnya malas belajar. _____, mereka perlulah tekun terutamanya dalam mengulang kaji pelajaran.
- A. Tambahan pula
 - B. Namun begitu
 - C. Sebaliknya
 - D. Selain itu

34. _____ menunggu loceng berbunyi, Asiah dan rakan-rakannya membersihkan bilik darjah mereka.
- A. Setelah
 - B. Selagi
 - C. Sementara
 - D. Sejak

Soalan 35

*Pilih perkataan **seerti** bagi perkataan yang **bergaris**.*

35. Bas itu sarat dengan penumpang yang ingin ke pusat bandar.
- A. muat
 - B. padat
 - C. ketat
 - D. berat

Soalan 36

*Pilih perkataan **berlawan** bagi perkataan yang **bergaris**.*

36. Bandar raya Kuala Lumpur terang-benderang disinari cahaya lampu yang berwarna-warni.
- A.
 - B. gelap-gelita
 - C. gegak-gempita
 - D. porak-peranda

Soalan 37 dan Soalan 38

*Pilih **penjodoh bilangan** yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah..*

37. Operasi membanteras kegiatan lanun cetak rompak itu telah dijalankan dengan bantuan _____ anggota polis.
- A. sekumpulan
 - B. segerombolan
 - C. sepasukan
 - D. seangkatan

38. Detektif Hasan telah menemukan beberapa _____ rambut dan se_____ tisu tidak begitu jauh dari tempat pembunuhan.
- A. utas...keping
 - B. untai...kotak
 - C. urat...cebis
 - D. ulas...pucuk

Soalan 39

Pilih **simpulan bahasa** yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat di bawah ini.

39. Budak yang _____ itu masih datang ke rumah kami walaupun kedatangannya tidak kami alu-alukan.
- A. telinga nipis
 - B. muka tembok
 - C. rabun ayam
 - D. kaki bangku

Soalan 40

Pilih peribahasa yang **paling sesuai** sebagai jawapan kepada ayat yang bergaris.

40. Biarpun sudah mempunyai harta bernilai jutaan ringgit, Encik Robin masih belum puas dengan kekayaan yang dimilikinya itu.
- A. seperti anjing dengan kucing
 - B. seperti anjing dengan bayang-bayang
 - C. bagai melepaskan anjing tersepit
 - D. seperti anjing berebutkan tulang

Soalan 41

Pilih **jawapan** yang paling sesuai bagi soalan yang bergaris .

41. Bilakah kamu dapat menyiapkan kerja yang disuruh oleh Cikgu Amar?
- A. Baru sebentar tadi saya disuruh menyiapkan kerja ini oleh Cikgu Amar.
 - B. Semasa saya sedang menyiapkan kerja yang disuruh oleh Cikgu Amar.
 - C. Bila-bila masa saja Cikgu Amar menyuruh saya menyiapkan kerja ini.
 - D. Selepas saya pulang daripada mesyuarat pada petang ini.

Soalan 42

Pilih soalan yang paling sesuai kepada jawapan yang bergaris.

42. Kereta yang baru dibelinya semalam berwarna merah
- A. Bilakah dia membeli kereta barunya?
 - B. Apakah warna kereta yang baru dibelinya semalam?
 - C. Siapakah yang membeli kereta baru berwarna merah semalam?
 - D. Kereta apakah yang baru dibelinya semalam?

Soalan 43 dan Soalan 44

Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

43. A. “ Marilah ke rumah saya, Rahim. Bukankah kamu ingin berjumpa dengan ibu bapa saya?” kata Daud.
- B. “ Marilah ke rumah saya Rahim. Bukankah kamu ingin berjumpa dengan ibu bapa saya?” kata Daud.
- C. “Marilah ke rumah saya Rahim! Bukankah kamu ingin berjumpa dengan ibu bapa saya” kata Daud.
- D. “ Marilah ke rumah saya Rahim, bukankah kamu ingin berjumpa dengan ibu bapa saya?” kata Daud.
44. A. “Yang amat terhormat Perdana Menteri kita akan pulang ke tanah air esok atau lusa,” kata Sahlan yang ingin mendapatkan kepastian daripada Jalal.
- B. “Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan pulang ke tanah air esok, atau lusa?” kata Sahlan yang ingin mendapatkan kepastian daripada Jalal.
- C. “Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan pulang ke tanah air esok atau lusa?” kata Sahlan yang ingin mendapatkan kepastian daripada Jalal.
- D. “Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, akan pulang ke tanah air esok atau lusa?” kata Sahlan yang ingin mendapatkan kepastian daripada Jalal.

Soalan 45 dan Soalan 46

Pilih ayat yang sama maksudnya dengan ayat yang bergaris.

45. “Shuiblah yang mencuri kotak pensel kamu, Imran,” kata Hazlan tanpa usul periksa.
- A. Hazlan menuduh Imran mencuri kotak pensel Shuib secara suka-suka.
 - B. Hazlan memberitahu Imran bahawa dia nampak Shuib mencuri kotak penselnya.
 - C. Hazlan menyuruh Imran memeriksa Shuib kerana Shuiblah yang mencuri kotak penselnya.
 - D. Hazlan menuduh Shuib mencuri kotak pensel Imran secara serkap jarang.
46. “Ibu, belikan adik sekotak coklat,” kata Delaila kepada Puan Khatijah.
- A. Delaila meminta ibunya, Puan Khatijah membelikannya sekotak coklat.
 - B. Delaila menyuruh adik dan ibunya membelikannya sekotak coklat.
 - C. Delaila meminta Puan Khatijah membelikan sekotak coklat untuk adiknya.
 - D. Delaila menyuruh ibu Puan Khatijah membelikan sekotak coklat untuk adik.

Soalan 47 dan Soalan 48

Pilih ayat-ayat yang menggunakan kata bergaris dengan betul.

47. I Orang yang suka bersedekah, murah rezekinya.
II Datuk Kosnin terkenal dengan sikap murahya.
III Jualan murah itu mendapat sambutan orang ramai.
IV Orang yang murah senyuman mudah mendapat kawan.
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan IV sahaja
 - C. I, III, dan IV sahaja
 - D. II, III, dan IV sahaja
48. I Aktiviti meredah hutan belantara itu sungguh mencabar.
II Sidhu mencabar Leong untuk beradu tenaga dalam perlumbaan itu.
III Soalan teka-teki yang dikemukakan itu mencabar minda.
IV Cikgu Karan memberikan beberapa soalan untuk mencabar pengetahuan mereka.
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja

- C. I, II, dan III sahaja
- D. I, II, III, dan IV sahaja

Soalan 49 dan Soalan 50

Pilih ayat-ayat yang betul.

49. I Puan Badariah mahir menganyam songket.
II Barang-barang antik yang dijual di kedai itu murah betul.
III Kehalusan budi bahasanya memikat hati kami.
IV Setengah orang tidak suka bersantai di laut.
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan IV sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. I, II, dan III sahaja
50. I Sudah berulang kali saya memanggil-manggil namanya.
II Ramlan mendapat kedua-dua hadiah tersebut.
III Zahidah berjumpa doktor untuk merawat penyakitnya.
IV Bunga itu bukan sahaja cantik tetapi juga berbau harum.
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan IV sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. I, II, III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT